

SOALAN NO. 89

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' OTHMAN BIN AZIZ [JERLUN]

TARIKH : 19 JUN 2014 (KHAMIS)

SOALAN :

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah dana yang telah disalurkan kepada ibu tunggal di negara ini sepanjang tahun 2014 dan adakah Kementerian bercadang untuk menubuhkan pusat 'One Stop Centre' untuk golongan-golongan ibu tunggal yang memerlukan khidmat rundingan atau bantuan di setiap Parlimen.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Golongan ibu tunggal mendapat tumpuan khusus daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). Dalam hal ini, adalah menjadi perjuangan KPWKM untuk memperkasakan dan membangunkan ibu tunggal demi kesejahteraan keluarga mereka.

KPWKM menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan beberapa skim bantuan kewangan bagi membantu golongan ibu tunggal. Antaranya ialah:

i) Skim Bantuan Kanak-kanak

Bagi meringankan beban ibu tunggal yang mempunyai anak yang masih bersekolah, JKM memberi bantuan kewangan di bawah Skim Bantuan Kanak-Kanak bagi memastikan kebajikan dan pendidikan anak-anak ibu tunggal terpelihara. Pada tahun 2014 iaitu hingga bulan Februari, seramai 35,915 orang ibu tunggal telah mendapat bantuan ini, melibatkan peruntukan sebanyak RM17.89 juta.

ii) Bantuan Am

KPWKM juga menyalurkan bantuan kewangan kepada keluarga ibu tunggal miskin menerusi skim Bantuan Am. Pada tahun 2014 iaitu hingga bulan Februari, sejumlah RM6.97 juta telah disalurkan kepada 18,575 orang ibu tunggal miskin.

iii) Bantuan Geran Pelancaran

KPWKM memberi bantuan Geran Pelancaran yang merupakan bantuan sekali gus kepada penerima bantuan JKM daripada kalangan ibu tunggal bagi memulakan projek atau aktiviti ekonomi agar mereka dapat berdikari dan seterusnya keluar daripada kepompong kemiskinan. Geran Pelancaran ini diberikan secara *one-off* iaitu sebanyak RM2,700.00 bagi setiap penerima. Pada tahun 2014 iaitu hingga bulan Februari, seramai 17 orang ibu tunggal telah menerima Geran Pelancaran melibatkan peruntukan sebanyak RM43,245.

Tuan Yang Dipertua,

Buat masa ini, Kementerian tiada cadangan untuk membina ‘One Stop Centre’. Walau bagaimanapun, golongan ibu tunggal yang memerlukan

khidmat rundingan atau bantuan di peringkat parlimen boleh mengunjungi pejabat agensi di bawah Kementerian yang terdapat di setiap negeri. Selain itu, ibu tunggal juga boleh mengunjungi UTC, RTC dan Mini RTC yang telah diwujudkan oleh kerajaan di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS).